




JOHOR
SEORANG peniaga, Azib Zaini (kanan) membersihkan gerainya yang terletak di tepi laut setelah dinaiki air pasang besar di Pontian semalam.



SELANGOR
SEORANG penduduk melihat limpahan air laut memasuki kawasan persisir pantai setelah benteng di Teluk Mendeling pecah akibat air pasang besar di Sabak Bernam semalam.



SELANGOR
MANGSA banjir diberikan kemudahan khemah yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di Dewan Orang Ramai Kampung Tok Muda, Kapar semalam.

Kawasan pesisir pantai dilanda banjir kilat ekoran air pasang besar

Air melimpah dalam rumah

WARTAWAN KOSMO!

KLANG — Seramai 186 orang mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan di daerah ini ekoran fenomena air pasang besar melanda kawasan pesisir pantai negeri Selangor sejak semalam.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, kesemua mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan iaitu di Dewan Serbaguna Kampung Tok Muda, Kapar dan di Dewan Palembang, Rantau Panjang di sini.

“Dewan Serbaguna Kampung Tok Muda menempatkan seramai 123 orang mangsa daripada 43 buah keluarga, manakala Dewan Palembang menempatkan seramai 63 orang mangsa melibatkan 11 keluarga,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Fenomena air laut pasang besar dilaporkan berlaku selama lima hari bermula semalam di beberapa kawasan pesisir pantai Selangor dengan ketinggian paras air dijangka mencecah sehingga 5.6 meter.

Di **Sabak Bernam**, benteng penahan ombak sepanjang 80 meter di Tebuk Mendeling di sini dilaporkan runtuh berikutan kejadian air pasang besar petang kelmarin dan awal pagi semalam.

Dalam pada itu, limpahan air laut turut dilaporkan berlaku di Pantai Bagan Nakhoda Omar, Dataran Batu 23, Ban Sungai Apong, Ban Sungai Lang, persekitaran Pekan Sabak Bernam dan Sekolah Kebangsaan Sungai Burong.

Air setinggi kira-kira 0.3 meter turut membanjiri tiga buah rumah penduduk di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Sungai Tengar Utara dipercayai kesan daripada limpahan air pasang besar.

Seorang penduduk, Nazeri Bisi, 67, menceritakan, dia sekeluarga berasa bimbang apabila air



JOHOR
BEBERAPA buah kenderaan digenangi air sedalam kira-kira 0.15 meter dalam kejadian banjir kilat di pekarangan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru semalam.

melimpah masuk ke kediamannya pagi semalam kerana khuatir paras air meningkat mendadak. “Nasib baik air masuk ke dalam rumah hanya pada paras buku lali. Kalau air tinggi, saya rasa habis barangan di dalam rumah rosak seperti yang pernah berlaku lebih 10 tahun lalu,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, di **Johor Bahru**, kawasan tempat meletak kenderaan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini dilanda banjir kilat selama dua jam antara pukul 10 pagi hingga 12.30 tengah hari semalam.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Johor, Kol (PA) Mat Zin Bujang berkata, kejadian tersebut melibatkan kawasan asrama doktor yang terletak berdekatan parit besar di Sungai Chat dengan kedalaman 0.15 meter.

Katanya, air dari parit besar di Sungai Chat melimpah ekoran pertembungan air pasang dan hujan lebat sekali di kawasan itu.

“Bagaimanapun, air surut pada

pukul 11 pagi dan tiada kerosakan harta benda dan kemalangan dilaporkan berlaku,” katanya.

Sementara itu, Pegawai APM Daerah Pontian, Hairul Ishak berkata, Pusat Perdagangan Pontian yang terletak di kawasan tepi pantai turut terjejas apabila air laut melimpah pada pukul 9 pagi sebelum surut kira-kira pukul 1 petang.

“Kawasan yang dipantau melibatkan beberapa pintu air pasang surut iaitu di Sungai Durian, Benteng Tampok Laut, Kuala Sungai Penerok Tebing Kiri, Kuala Sungai Pontian Besar Kanan, Sungai Ayer Baloi Tebing Kiri, Sungai Benut dan Sungai Belukang Tanjung Piai.

“Paras air paling tinggi dicatatkan di pintu kawalan pasang surut benteng laut Sungai Ayer Baloi Tebing Kiri iaitu setinggi 2.1 meter pada pukul 10.22 pagi,” katanya.

Di **George Town** pula, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Tebatan Banjir dan Pengurusan Lalu Lintas Chow Kon Yeow berkata, air pasang



SELANGOR
SEORANG suri rumah, Norhidayah Nazeri membersihkan rumahnya selepas banjir kilat ekoran kejadian air pasang besar di PPRT Sungai Tengar Utara, Sabak Bernam semalam.



KELANTAN
SEKUMPULAN kanak-kanak memerhatikan ombak besar menghempas pantai berhampiran rumah mereka di Kampung Pantai Pulau Kundur, Kota Bharu semalam.

mungkin mencapai setinggi 3.5 meter dan kawasan-kawasan yang rendah di negeri ini mungkin mengalami banjir.

“Kawasan seperti Kampung Manis di Perai merupakan satu daripada kawasan yang paling terdedah di negeri ini kepada banjir akibat kejadian air pasang,” kata beliau.

Di **Sandakan, Sabah** pula, APM menumpukan pemantauan di perkampungan atas air di seki-

tar daerah ini dan Kinabatangan ekoran fenomena air pasang besar yang bermula semalam.

Ketua APM Sandakan Ahmad Roslan berkata, kawasan tersebut membabitkan Sim-Sim, Tinusa, Karamunting, Sekong dan Gum-Gum di daerah Sandakan serta Sukau di Kinabatangan.

Katanya, paras ketinggian ombak dijangka mencecah 2.28 hingga 2.53 meter mulai pukul 5 petang hingga 9 malam.